

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi pada 28 Februari 2024



Untuk Terbitan Media

28 Februari 2024

RALAT SIARAN MEDIA

6,000 MAJIKAN DENGAN REKOD KEMALANGAN TERTINGGI DIPANTAU ALERT: PERKESO USAHA TINGKAT KESEDARAN KEMALANGAN PEKERJAAN DITERUSKAN

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan memantau 6,000 majikan yang merekodkan kemalangan tertinggi tahun lalu melalui inisiatif Ops Cegah yang dilancarkan bermula 1 Mac hingga 15 Mac 2024.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed memaklumkan, sepanjang tahun lalu sebanyak 1,078 majikan telah dilawati PERKESO dengan hasil lawatan serta inisiatif kolaborasi strategik antara institusi dan badan bukan kerajaan (NGO), dalam usaha menurunkan kadar kemalangan menghasilkan keputusan positif dengan penurunan kemalangan yang signifikan direkodkan sebanyak 83.6 peratus oleh 931 majikan.

Beliau memberitahu, sinergistik ini diteruskan menerusi Ops Cegah untuk 2024 melalui pelbagai cara (panggilan telefon, emel, surat, konsultasi secara one to one, lawatan ke tempat majikan, program advokasi dan banyak lagi) bagi memastikan kejadian tidak diingini terus berkurang.

"Berdasarkan perangkaan PERKESO untuk tahun 2023 sebanyak 82,876 kes kemalangan direkodkan dengan majoriti kes adalah kemalangan industri 53.6 peratus (44,422 kes) manakala 46.4 peratus (38,454 kes) adalah melibatkan kemalangan perjalanan.

"Daripada jumlah itu, 1,060 kes kemalangan maut dilaporkan dengan 29.2 peratus (310 kematian) membabitkan kemalangan industri, manakala kemalangan perjalanan 70.8 peratus (750 kematian) dengan purata dua kes kematian direkodkan setiap hari PERKESO sepanjang 2023 membabitkan kemalangan pekerja dalam perjalanan ke tempat kerja.

"Ops Cegah yang telah dilancarkan pada 2022 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran golongan majikan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan khususnya dalam melaksanakan langkah-langkah pencegahan kemalangan kepada pekerja selaras 'Vision Zero PERKESO' iaitu visi mencapai sifar kecederaan pekerjaan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja," jelas beliau dalam kenyataannya disini hari ini.

Ops Cegah 2024 dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF).

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

28 Februari 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my